

TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM) MEMBUAT PENERBANGAN IHSAN KE ATAS BAYI YANG MENGHIDAP PENYAKIT KRONIK

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4103-tentera-udara-diraja-malaysia-tudm-membuat-penerbangan-ihsan-ke-atas-bayi-yang-menghidap-penyakit-kronik



SUBANG, 11 Nov 18 - Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) hari ini membuat penerbangan ihsan membawa seorang bayi berusia 28 hari yang menghidap penyakit Severe Combined Immunodeficiency (SCID) dari Hospital Sibul ke Pangkalan Udara Subang bagi mendapatkan rawatan pakar di Hospital Serdang.

Pesakit, Calvin Shayne Anak Stallone telah diterbangkan dari Sibul ke Pangkalan Udara Subang menggunakan pesawat milik TUDM jenis CN235 daripada No 1 Skwadron.

Pesawat yang dikendalikan oleh Juruterbang Kapt Mohd Nurul Azmie bin Rofdi TUDM dan Kapt Muhammad Azizi bin Ayob TUDM selaku pembantu juruterbang serta dibantu oleh lima (5) krew telah berlepas pada jam 9.11 pagi dari Lapangan Terbang Sibul dan selamat mendarat pada jam 12.30 tengah hari.

Sejurus tiba di Pangkalan Udara Subang pesakit terus dikejarkan ke Hospital Serdang menggunakan kenderaan ambulan bagi mendapatkan rawatan lanjut.

Turut mengiringi pesakit dalam penerbangan ini adalah ibubapanya iaitu Catherine Anak John (Ibu), Stallone Anak Anthony (Bapa) serta petugas perubatan dari Hospital Sibul iaitu Dr. Ha Saw Jing (Doktor Perubatan) serta SN Marilyn Austin (Jururawat).

Adalah menjadi tanggungjawab TUDM di dalam memberikan komitmen serta kesungguhan yang tinggi untuk memenuhi keperluan kebajikan masyarakat seumpama ini. Seluruh warga TUDM mendoakan agar pesakit ini diberikan kesembuhan seperti sedia kala.

Tahniah juga diucapkan kepada semua juruterbang dan anak kapal pesawat CN235 dalam melaksanakan tugas dengan jayanya.

